

COVID-19: EMPAT KLUSTER BAHARU LIBATKAN BENTONG, MARAN, JERANTUT DAN TEMERLOH

KUANTAN, 29 JUN 2021: Empat kluster baharu dilaporkan di negeri ini hari ini melibatkan daerah Bentong, Maran, Jerantut dan Temerloh dengan 129 individu positif COVID-19.

Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP), YH Dato' Dr. Haji Bahari Dato' Tok Muda Che Haji Awang Ngah dalam satu kenyataan media berkata, empat kluster tersebut adalah Kluster Industri Benus, Kluster Kampung Lada, Kluster Jalan Jaya Temerloh dan Kluster Sungai Ling.

“Kluster Industri Benus mula dilaporkan pada 23 Jun 2021 di daerah Bentong. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti tempat kerja kes indeks di sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Bentong di mana disyaki telah berlakunya penularan wabak ketika kes indeks tersebut berada di situ dan mempunyai kontak dengan rakan sekerja yang lain.

“Kes indeks bagi kluster ini merupakan seorang lelaki bukan warganegara dan pekerja di kilang tersebut. Kes mula mengalami gejala demam, sakit tekak, cirit- birit, hilang deria bau dan hilang deria rasa pada 20 Jun 2021 dan telah menjalani saringan PCR di klinik pada 22 Jun 2021. Keputusan swab PCR telah disahkan positif pada 23 Jun 2021. Seramai 449 individu telah disaring yang merupakan kontak rapat bagi kluster ini dan 73 kes dikesan positif COVID-19,” katanya.

Menurut beliau, Kluster Kampung Lada mula dilaporkan pada 26 Jun 2021 di Daerah Jerantut dengan nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat tinggal kes indeks.

“Kluster ini melibatkan ahli keluarga kes indeks di Kampung Lada, Jerantut. Kes indeks bagi kluster ini merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia dan tidak

mempunyai sejarah penyakit kronik. Kes menjalani ujian saringan RTK Ag pada 23 Jun 2021 kerana bergejala ringan iaitu selesema dan didapati positif COVID-19.

“Kes kemudiannya telah menjalani ujian saringan PCR pada 24 Jun 2021 dan keputusannya juga positif. Siasatan lanjut mendapati ramai kontak keluarga kes juga bergejala dan mereka telah disaring bersama kes pada 24 Jun 2021. Seramai 121 kontak rapat telah disaring dan 26 orang telah disahkan positif COVID-19,” katanya.

Menurut beliau, Kluster Jalan Jaya Temerloh mula dilaporkan pada 29 Jun 2021 di daerah Temerloh dengan nama kluster merujuk kepada sebuah pasar raya di Off Jalan Jaya, Temerloh.

“Disyaki telah berlakunya penularan wabak di tempat kerja tersebut. Kes indeks bagi kluster ini merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 23 tahun yang bekerja di pasar raya tersebut. Kes menjalani ujian RT-PCR pada 21 Jun 2021 kerana mempunyai gejala demam, selesema, pening kepala dan hilang deria bau.

“Ujian RT-PCR tersebut dilaporkan positif pada 24 Jun 2021. Hasil saringan kontak rapat seterusnya mendapati seramai 12 lagi individu dikesan positif COVID-19 melibatkan kontak tempat kerja dan kontak keluarga. Seramai 111 individu telah disaring dalam kluster ini dan 16 kes dikesan positif COVID-19,” katanya.

Beliau berkata, bagi Kluster Sg Ling di Maran, mula dilaporkan pada 29 Jun 2021 dengan nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat tinggal kes indeks di Kampung Baru Sg. Ling, Maran.

“Dipercayai telah berlakunya penularan wabak melibatkan ahli keluarga kes indeks dan rakan jemaah di masjid. Kes indeks bagi kluster ini merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia.

“Kes mempunyai gejala hilang deria bau pada 13 Jun 2021. Pada 18 Jun 2021, kes disahkan positif swab PCR COVID-19. Sehingga 27 Jun 2021, jam 12 tengah hari, seramai 37 individu telah disaring dalam kluster ini dan 14 kes dikesan positif COVID-19,” katanya.

Sebanyak 250 kes baharu telah dilaporkan hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kes disahkan positif COVID-19 di Negeri Pahang telah mencecah ke angka 13,456 kes. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo

Oleh : Ain Nadhirah Basha

(LIPUTAN BERGAMBAR)

